



Oleh:
FATIMAH KARI




HARGA BAHAN MAKANAN DARI PERSPEKTIF PERMINTAAN

Isu peningkatan harga makanan merupakan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat yang juga terpaksa berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Pandemik ini membawa penderitaan dan kesan ekonomi kesihatan yang mendalam di seluruh dunia. Bagi golongan miskin, tekanan dari segi hilang peluang pekerjaan, kehilangan ahli keluarga serta beban kos hidup yang mencecah naik merupakan kemuskilan yang sukar untuk didepani.

Pada pertengahan bulan Disember 2021, beberapa negeri di Malaysia turut dilanda bencana banjir yang paling buruk. Bencana tersebut sudah meragut 46 nyawa serta memberikan kesan kerosakan harta benda yang mungkin mencecah berbilion ringgit nilainya. Apabila krisis melanda dari segenap penjuru, sudah tentulah kesannya sangat mendalam yang memerlukan proses pemulihan yang menyeluruh dan tuntas.

Peningkatan harga makanan dan kos hidup, terutamanya dari segi perbelanjaan keperluan asas seperti makanan memerlukan semua pihak mencari penyelesaian, bukan sahaja dari perspektif jangka pendek, tetapi yang lebih penting penyelesaian jangka panjang yang lebih konsisten dan kalis kejutan. Yang pastinya, isu peningkatan harga



makanan dalam jangka pendek perlu digalas oleh pihak kerajaan kerana ada sebahagian dasar yang boleh meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Sebagai contohnya, keupayaan memastikan pasaran dapat dikawal. Ketiadaan unsur kartel dan monopoli dalam pasaran makanan, dijangka dapat memulihkan keadaan.

Sebaliknya, kesan sampingan akibat kegagalan dasar subsidi yang tidak diubah suai mengikut keadaan semasa akan memburukkan lagi keadaan. Walau bagaimanapun, dari aspek permintaan dan harga makanan dalam jangka pendek, kerajaan tidak mempunyai banyak pilihan polisi yang boleh digunakan. Hal ini demikian kerana bahan makanan atau perbelanjaan terhadap makanan adalah tidak anjal harga kerana makanan merupakan keperluan asas. Inilah asas utama dalam hukum sains ekonomi yang mempunyai implikasi penting dalam permintaan dan turun naik makanan dalam jangka pendek.

Hukum keanjalan ini bermakna, dalam jangka pendek, pengguna akan berhadapan dengan tekanan harga yang boleh meningkat secara mendadak dan pengguna tidak mempunyai pilihan kerana bahan makanan merupakan keperluan asas. Trend peningkatan harga dalam jangka pendek akan terus kekal tinggi dan sukar untuk diturunkan.

Senario seumpama ini akan terus membebankan rakyat. Di samping itu, peningkatan harga makanan dalam jangka pendek akan mempengaruhi perbelanjaan makanan yang merupakan komponen yang agak besar dalam belanjawan isi rumah. Hal ini lebih ketara, khususnya dalam kalangan isi rumah miskin yang juga mempunyai ahli keluarga yang ramai.

Perbelanjaan yang besar terhadap komponen makanan dalam kalangan isi rumah bukan

Pada asasnya, dasar subsidi dan kawalan harga terhadap keperluan asas seperti makanan merupakan langkah untuk membantu golongan miskin. Hal ini demi memastikan kumpulan tersebut mampu membeli bahan keperluan berdasarkan pendapatan sedia ada.



sahaja terdapat di Malaysia, tetapi juga berlaku di negara lain, khususnya di negara sedang membangun yang mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang rendah. Sebaliknya, kebanyakan negara maju menghadapi kedudukan yang sama, khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Harga makanan di negara maju meskipun menghadapi turun naik yang kurang menentu, kenaikan harga makanan di negara tersebut tidak setinggi kalau dibandingkan dengan komponen bukan makanan seperti harga bahan api, sewa rumah, perkhidmatan kesihatan, dan sebagainya.

Dalam erti yang lebih mudah, di kebanyakan negara maju, trend harga barangan bukan makanan sentiasa tinggi sedangkan trend harga makanan, terutamanya makanan ruji tidak mengalami perubahan yang ketara sejak beberapa tahun yang lalu. Sehubungan dengan itu, negara maju jarang-jarang melaksanakan dasar subsidi terhadap bahan makanan pada peringkat pengguna. Negara maju memberikan skim sokongan harga dan subsidi pengeluaran yang agak tinggi dalam kalangan petani atau sektor pertanian yang menghasilkan

bahan makanan untuk pasaran domestik dan bagi tujuan eksport.

Pada asasnya, dasar subsidi dan kawalan harga terhadap keperluan asas seperti makanan merupakan langkah untuk membantu golongan miskin. Hal ini demi memastikan kumpulan tersebut mampu membeli bahan keperluan berdasarkan pendapatan sedia ada.

Objektif dasar seumpama ini adalah baik. Dasar subsidi terhadap bahan makanan terpilih akan dapat mengurangkan jurang ketakserataan sosioekonomi di dalam negara. Namun begitu, dasar ini juga mempunyai kesan sampingan yang akan merugikan negara dan boleh juga tidak membawa sebarang manfaat kepada golongan sasaran. Hal ini demikian kerana setiap dasar subsidi bakal mewujudkan ketirisan dan pembaziran sumber yang sukar dikawal secara tuntas.

Dari segi teori, subsidi dan kawalan harga akan membawa kesan ketidakcekapan sumber. Ketidakekapan ini akan menjadi semakin kritikal sekiranya bahan yang disubsidi tidak anjal harga seperti bahan makanan. Seperti yang dijelaskan sebelumnya, bahan makanan tidak anjal harga kerana bahan makanan merupakan keperluan asas.

Dari aspek praktikal, ketidakcekapan dasar subsidi dan kawalan harga sering berlaku dalam kedudukan pasaran yang tidak cekap. Hal ini kurang sekali diambil kira dalam pertimbangan untuk membentuk dan mengubah suai dasar subsidi dan kawalan harga. Sebagai contohnya, harga minyak masak yang disubsidikan tidak akan dijual pada harga subsidi di luar bandar kerana ada komponen pengangkutan.

Harga minyak masak yang disubsidikan di dalam paket satu kilogram yang dijual di kedai runcit di bandar berbeza dari segi harga di pasar raya atau di pasar malam, pasar tani atau di kedai kecil yang berdekatan taman perumahan. Berdasarkan kajian, keadaan ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, pasar raya dan kedai runcit yang kecil di kawasan perumahan mempunyai kos tanggungan inventori yang berbeza. Kedua, terdapat amalan untuk membeli secara pukal di kedai-kedai runcit oleh pengusaha restoran atau peniaga makanan kecil-kecilan.

Keadaan ini memaksa pekedai meningkatkan harga bahan minyak masak yang disubsidikan. Hal ini disebabkan oleh tekanan permintaan dan menjadikan stok atau bekalan sering kehabisan. Pekedai akan mengenakan harga melebihi harga subsidi yang ditentukan oleh kerajaan. Hal ini merupakan salah laku dan manipulasi pasaran yang sering berlaku dan agak sukar dibendung.

Ternyata, pelaksanaan skim subsidi seperti ini kurang berkesan dan perlu dinilai semula agar golongan sasaran mempunyai akses kepada bahan makanan yang disubsidikan oleh kerajaan. Usaha untuk memantau salah laku pasaran oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna (KPDNHEP) sangat diperlukan, tetapi pemantauan secara bersemuka

merupakan satu latihan yang akan menelan belanja yang tinggi dan memakan masa.

Dengan kekangan seumpama ini, kerajaan perlu memikirkan kaedah pemantauan harga barangan dengan menggunakan aplikasi dalam talian (Internet benda atau *Internet of things* (IOT)) agar maklumat disalurkan dan tindakan serta merta dapat dilakukan. Dalam konteks yang sama, gerakan persatuan pengguna pada peringkat akar umbi diperlukan untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dalam memantau trend harga setempat.

*Ternyata,
pelaksanaan skim
subsidi seperti ini
kurang berkesan
dan perlu dinilai
semula agar golongan
sasaran mempunyai
akses kepada bahan
makanan yang
disubsidikan
oleh kerajaan.*

Begitu juga modul kokurikulum yang berkaitan dengan ekonomi dan hak pengguna serta celik kewangan dalam kalangan pelajar sekolah boleh dijadikan satu langkah untuk memberikan kesedaran secara berterusan pada peringkat akar umbi. Sehubungan dengan itu, penggunaan kupon makanan atau pemiawaian makanan (*food stamps*) dalam kalangan golongan B40 dijangka dapat menguruskan skim subsidi bakul makanan secara lebih telus dan tersasar.

Dasar subsidi juga bakal mewujudkan sektor ekonomi bayangan. Bank Negara Malaysia menganggarkan saiz ekonomi bayangan atau *shadow economy* (SE) di Malaysia secara purata pada 33.7% daripada KDNK dari tahun 1990 hingga tahun 2019 (Laporan Ekonomi, 2021). Saiz SE berkurangan dari tahun ke tahun dengan saiz SE berada dalam lingkungan 50% daripada KDNK dari tahun 1990 hingga tahun 1999 seperti rajah yang dikemukakan.

Saiz ekonomi bayangan terus mengecil sekitar 30% dari tahun 2000 hingga tahun 2009 sebelum mencatatkan lebih kurang 21% dari tahun 2010 hingga tahun 2019. Pada tahun 2019, saiz ekonomi bayangan merekodkan 18.2% daripada KDNK. Meskipun menurun kepada 18.2%, nilai nominal adalah bersamaan RM0.5 bilion dan merupakan satu jumlah mutlak yang agak besar.



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Rajah Saiz Ekonomi Bayangan Berkurangan dari Tahun ke Tahun dengan Saiz SE Berada dalam Lingkungan 50% daripada KDNK dari Tahun 1990 hingga Tahun 1999.

Kesan harga barangan makanan juga ditentukan oleh kedudukan makroekonomi semasa. Hubungan ini akan terus memberikan tekanan utama kepada trend harga barangan makanan. Indeks inflasi merupakan kayu ukur untuk menilai trend pergerakan harga semasa yang berlaku, bukan sahaja terhadap komponen makanan, tetapi juga item lain seperti bahan bakar, sewa, serta barang keperluan bukan makanan dan perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan, perkhidmatan kewangan, dan insurans.

Komponen makanan mewakili hampir 30% hingga 45% daripada pemberat indeks harga pengguna. Maka, sebarang peningkatan makanan akan juga meningkatkan indeks harga pengguna. Bagi tahun 2021, kadar inflasi bulanan berada pada paras lebih tinggi daripada purata inflasi jangka panjang kesan daripada peningkatan harga pelbagai barangan sejak bulan Mac (1.7%) dan melonjak kepada 4.7% pada bulan berikutnya.

Dari segi parameter makroekonomi, kadar inflasi dipengaruhi oleh faktor lain seperti kos modal serta pergerakan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing seperti Dolar Singapura dan Dolar Amerika. Sejak sedekad yang lalu, pergerakan nilai Dolar Singapura dan Dolar Amerika berbanding dengan Ringgit Malaysia menunjukkan nilai ringgit menyusut dalam julat yang agak besar.

Dari satu segi, kedudukan Ringgit Malaysia yang rendah akan merancakkan sektor eksport, tetapi negara terpaksa membayar nilai yang lebih tinggi untuk bahan import. Hal ini akan memberikan kesan terhadap harga bahan makanan sekiranya negara terus bergantung pada pasaran luar untuk keperluan makanan. Maka, nilai ringgit yang lemah juga merupakan satu faktor utama yang menyebabkan harga domestik yang tinggi.

Kelemahan nilai mata wang ringgit Malaysia merupakan faktor struktural yang perlu diuruskan dengan baik agar tidak membebankan negara, terutamanya dari aspek tekanan harga domestik yang akan meningkatkan harga barangan di pasaran.

dengan aliran keluar bersih berjumlah RM550.90 juta pada awal bulan Disember 2021.

Hingga bulan September 2021, aliran wang keluar Malaysia adalah berjumlah RM112.3 bilion. Jumlah ini termasuklah pulangan pelaburan yang dibawa keluar apabila berlakunya penjualan berskala besar oleh pihak pelabur dalam pasaran modal ekuiti di Malaysia. Sementara itu, penghantaran wang oleh pekerja asing ke negara asal boleh mencecah hingga RM1.5 bilion setahun dan pengaliran ini cukup tinggi dan akan memberikan tekanan terhadap nilai ringgit Malaysia.



Pada hakikatnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat terbuka dari segi struktur ekonominya. Sektor perdagangan luar negara adalah sebanyak 98% daripada KDNK negara. Sehubungan dengan itu, tekanan terhadap nilai Ringgit Malaysia juga terkesan akibat pengaliran keluar wang dan dana bukan sahaja daripada pasaran modal, tetapi juga daripada pengiriman balik wang ke negara asal oleh pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Sebagai contohnya, pengaliran wang keluar daripada pasaran modal sejak kebelakangan ini boleh mencecah

Penghantaran wang keluar oleh golongan pekerja asing akan menjejaskan prospek pertumbuhan negara. Hal ini demikian kerana dana negara tidak digunakan atau tidak dilabur semula dalam ekonomi domestik untuk mencipta dan mewujudkan peluang pekerjaan serta pelaburan domestik yang sangat diperlukan bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara. Maka, kelemahan nilai mata wang ringgit Malaysia merupakan faktor struktural yang perlu diuruskan dengan baik agar tidak membebankan negara, terutamanya dari aspek

tekanan harga domestik yang akan meningkatkan harga barangan di pasaran.

Malaysia kekal sebagai negara yang bergantung pada import makanan. Pergantungan seumpama ini memberikan tekanan terhadap turun naik harga pada peringkat dunia. Pada bulan November 2021, kerajaan pernah mengumumkan bahawa negara akan mengimport bahan makanan seperti daging ayam untuk meringankan tekanan harga domestik yang tinggi.

Pada hakikatnya, langkah untuk mengimport daging ayam tidak akan membawa kesan kepada harga domestik disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, sejak tersebarunya pandemik COVID-19 ke seluruh dunia, bekalan makanan dunia, termasuklah daging ayam turut terjejas. Keadaan ini berlarutan sejak bulan Mac 2020. Kedua, gangguan logistik rantai penawaran pada peringkat antarabangsa menyulitkan sebarang proses pengagihan serta penghantaran barangan yang dieksport dan diimport.

Meskipun pergerakan barangan dan perkhidmatan masih boleh berlaku dan diniagakan, gangguan logistik seumpama ini menyebabkan peningkatan kos yang akhirnya akan diserap dalam harga domestik yang tinggi dan ditanggung oleh pengguna. Berdasarkan dua faktor tersebut, pergantungan Malaysia pada pasaran import dunia menjadi isu sekuriti makanan negara yang berisiko tinggi dan merupakan ancaman yang tidak boleh diambil mudah.

Secara umumnya, peningkatan harga makanan dan kesannya terhadap permintaan bahan makanan mempunyai hubung kait dengan pelbagai faktor yang agak kompleks. Persoalan permintaan dan harga makanan yang tinggi berkait rapat dengan masalah struktural ekonomi yang agak

kompleks dan mempunyai perkaitan dengan pelbagai isu makroekonomi nasional.

Jika dilihat kepada faktor struktural seperti yang dibincangkan dalam rencana ini, Malaysia terperangkap dalam keadaan yang sukar untuk menyelesaikan masalah peningkatan harga bahan makanan. Kesukaran ini sangat ketara dalam konteks jangka pendek yang negara tidak mempunyai banyak pilihan dasar dan strategi. Jika perkara ini berlaku, maka rakyat akan berhadapan dengan peningkatan trend harga makanan secara berpanjangan di samping aksesibiliti makanan yang semakin kritikal.

Dalam konteks jangka pendek, setiap langkah dan strategi di bawah dasar awam sedia ada bakal melibatkan kos yang tinggi dan ketidakpastian yang sukar untuk diuruskan. Sebagai contohnya, mengenakan cukai bagi kiriman wang oleh pekerja dan rakyat asing bakal menimbulkan tentangan daripada pihak yang terlibat.


Sehubungan dengan itu, negara tidak mempunyai "kesungguhan politik" untuk melaksanakan dasar seumpama ini kerana dasar cukai pengiriman wang ke luar negara akan ditentang oleh pihak yang berkepentingan seperti pemodal, pihak bank yang bergantung pada buruh asing yang murah dan caj perkhidmatan pengiriman wang ke luar negara. Hakikatnya, mengenakan cukai bagi pengaliran keluar wang negara yang terus meningkat dan merugikan adalah antara pilihan yang boleh dilakukan demi maruah negara.

Langkah untuk mengurangkan ketirisan dasar subsidi negara boleh dilaksanakan dengan adanya sokongan daripada pihak peniaga, kesedaran awam serta penggunaan



teknologi maklumat yang lebih cekap. Sebagai contohnya, aplikasi teknologi data raya dan IOT boleh membantu mengurangkan kos pemantauan terhadap harga barangan yang disubsidikan dan barangan makanan di pasaran.

Meskipun aspek permintaan dan harga makanan berkait dengan faktor struktural yang agak rumit untuk dirungkaikan, aspek penawaran serta pengeluaran makanan dijangka memberikan penyelesaian jangka panjang yang lebih lestari. Kebanyakan negara menggunakan pendekatan pembekal sampingan (*supply side*) bagi memastikan pasaran bahan makanan sentiasa stabil, trend harga yang kompetitif serta bekalan makanan mencukupi meskipun wujudnya masalah struktural yang mempengaruhi permintaan makanan dalam jangka pendek.

Akhirnya, dasar kerajaan perlu dibaiki dan diubah suai kerana faktor struktural yang mempengaruhi pasaran makanan mempunyai pelbagai ciri dinamik yang berubah mengikut keadaan semasa. Kebanyakan faktor semasa ini adalah di luar kawalan pengguna kerana bahan makanan merupakan keperluan asas. Dari perspektif permintaan, negara akan terus berhadapan dengan prospek harga yang meningkat. Keadaan ini menjadi satu cabaran utama dalam usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara pada era pasca-COVID-19. 

Profesor Dr. Fátimah Kari ialah Penasihat Penyelidikan di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.